


# KELUAR DUIT LEBIH JIKA MAHU JIMAT MINYAK



## Teknologi hibrid bantu pemilik kereta atasi masalah

8/11 2/12/2011 M 1

**I**NDUSTRI permotoran adalah sektor yang paling pesat berkembang. Sebagai industri terbesar dunia, bidang permotoran melalui perubahan demi perubahan apabila setiap syarikat pengeluar akan sentiasa berusaha menampilkan model dan teknologi terkini.

Dalam sekelip mata, industri automotif boleh berubah untuk memenuhi kehendak global. Selain bagi memenuhi permintaan pasaran, syarikat pengeluar automotif juga berusaha menampilkan teknologi yang menjimatkan minyak selaras

dengan peningkatan kos bahan api.

Walaupun masih tiada lagi alternatif terbaik untuk pengguna, sedikit sebanyak model terbaru ini boleh membantu meringankan beban tanpa mengorbankan keselesaan dan keseronokan pemanduan.

Salah satu, teknologi menjimatkan minyak yang diperkenalkan secara meluas dalam pasaran ialah teknologi hibrid. Walaupun harganya agak mahal daripada kenderaan berteknologi biasa, namun pastinya, kadar penggunaan

minyak yang rendah menjadi tarikan utama pembeli kepada model hibrid.

Jadi kepada mereka yang sedang mencari kereta baru, mungkin anda berminat untuk mendapatkan kenderaan yang menggunakan enjin hibrid. Kebiasaannya kereta hibrid bermaksud gabungan enjin pembakaran dalam (internal combustion engine) dan motor elektrik (electric motor). Ramai menyangka kereta hibrid adalah perkara baru, tetapi teknologi ini sebenarnya dimajukan sejak lebih 100 tahun lalu.

Pengeluar kereta di Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun berlumba-lumba memerah otak untuk menghasilkan teknologi hibrid. Pertengahan 1997, Toyota memperkenalkan kereta hibrid pertama, Prius, untuk pasaran tempatan negara itu diikuti Honda yang elancarkan Honda Insight, kereta hibrid dua tempat duduk pada 1999. Pada 2003, Honda memperkenalkan Honda Civic Hybrid yang menyamai Honda Civic konvensional.

Ternyata, pengeluar kereta terkemuka dunia kini menjadikan pengeluaran kereta hibrid

sebagai keutamaan. Walaupun menjimatkan penggunaan minyak, kereta hibrid belum meluas di pasaran akibat pelbagai halangan, terutama harga yang lebih tinggi.

Sebuah kereta hibrid Honda dengan enjin kapasiti 1.3 liter berharga antara RM160,000 hingga RM170,000. Kos kereta yang sama tetapi menggunakan enjin pembakaran dalam pula berharga antara RM110,000 hingga RM120,000.

Namun, pembeli yang berkemampuan boleh membuat pilihan sendiri untuk penjimatan jangka panjang.

